

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN YANG KE-13
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI HASSAN BIN MALEK
(KUALA PILAH)**

TARIKH : **27 OKTOBER 2015 (SELASA)**

NO. SOALAN : **29**

SOALAN :

Minta **Perdana Menteri** menyatakan penjelasan berkaitan pendekatan dan tindakan tegas yang perlu diambil bagi menangani isu-isu perkauman yang sedang hebat dimainkan di dalam media sosial akhir-akhir ini. Ini penting bagi memelihara keharmonian masyarakat majmuk di Negara ini.

JAWAPAN :

Mengurus isu berkaitan perhubungan kaum memerlukan tindakan bersepada yang melibatkan pelbagai agensi, badan-badan bukan kerajaan, pelbagai pertubuhan dan juga pemimpin di semua peringkat.

Peranan saluran komunikasi amat penting dan turut dilibatkan sebagai medium untuk menyalurkan maklumat yang betul dan tepat. Bagi menangani isu-isu perkauman yang sering dimainkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab melalui media sosial hari ini, maka, Kerajaan sentiasa menggunakan pendekatan **mendampingi** dan **mendidik** dengan izin “***engage and educate***” suatu mekanisme yang diketengahkan untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian rakyat. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Memberi penjelasan melalui perjumpaan dan sesi dialog dari semasa ke semasa kepada ejen-ejen perpaduan seperti Jawatankuasa Rukun Tetangga (JKRT), Kelab Rukun Negara (KRN) dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh kelompok yang berhimpun supaya ia tidak terus menerus menjadi persoalan yang tidak terjawab di kalangan masyarakat akar umbi.
- (ii) Mengadakan perbincangan dengan saluran media arus perdana seperti RTM tentang usaha yang sesuai dilaksanakan melalui kemunculan beberapa orang pegawai dari JPNIN di dalam slot berita radio dan TV nasional untuk menjelaskan tentang aspek perpaduan.

- (iii) Mengadakan kolaborasi dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di dalam menganjur program dan aktiviti untuk memelihara perpaduan. Dalam masa yang sama penjelasan turut diberi tentang isu-isu semasa yang berbangkit.
- (iv) Menggalakkan penyertaan belia dan mengambil bahagian di dalam **siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum** bagi percambahan idea untuk meningkatkan kefahaman mengenai inti pati Rukun Negara, Kontrak Sosial dan Perlembagaan Persekutuan.
- (v) Meningkatkan penghayatan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara melalui program **MyRukun Negara** sebagai asas perpaduan nasional diperkenalkan di peringkat sekolah rendah, menengah serta **Sekretariat Rukun Negara** di peringkat IPTA dan IPTS juga.

Kerajaan melalui agensi dan Kementerian yang berkaitan sentiasa memantau isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat melalui media sosial. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan di bawah undang-undang sedia ada bertujuan membendung gejala ini terus berluasa.

Usaha ini memerlukan penggembangan semua pihak secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perpaduan dan perhubungan kaum itu sentiasa dipelihara dan perlu ditingkatkan.

Sekian, terima kasih.